

Media Title : Harian Metro
Headline : Dua hilang RM350k diperdaya 'pegawai polis'
Date : 26 March 2025
Section : Lokal
Page : 19



Dua hilang RM350k diperdaya 'pegawai polis'

Nilai: Dua individu mengalami kerugian hampir RM350,000 selepas diperdaya 'pegawai polis' yang mendakwa mereka terbabit dengan aktiviti penguubahan wang haram dan pengedaran dadah.

Mangsa masing-masing berusia 54 dan 66 tahun panik selepas menerima panggilan bermula awal Mac lalu melakukan sembilan transaksi kepada sindiket konon menyelesaikan masalah dihadapi.

Ketua Polis Daerah Nilai Superintendan Abdul Ma-

lik Hasim berkata, pihaknya menerima aduan daripada dua mangsa yang juga suri rumah dan pesara kerajaan mendakwa ditipu, kelmarin.

"Mangsa menerima panggilan daripada nombor telefon tidak dikenali menyamar sebagai 'pegawai polis' pada awal Mac lalu mendakwa mereka terbabit dalam kes penguubahan wang haram dan pengedaran dadah.

"Suspek memaklumkan waran tangkap sudah dikeluarkan atas nama me-

reka dan kedua-dua penguubahan wang haram membuat sembilan pindahan wang secara atas talian ke lapan akaun bank dari 7 Mac sehingga 22 Mac lalu," katanya.

Menurutnya, mangsa lelaki mengalami kerugian sebanyak RM163,000, manakala mangsa wanita kerugian RM186 dengan jumlah keseluruhan kerugian adalah RM349,086.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan usaha mengesan suspek sedang dilakukan.